



MINDA PENDIDIK

MUHAMAD SUHAIMI TAAAT
Bersama, Mohd Yusof Abdullah,
Barhom Mohamad, Roslee Talip,
Abdul Said Ambotang dan Shukri Zain

UB 26.3.2014 84

BEBERAPA minggu lalu negara kita digemparkan dengan kes kematian enam remaja dalam sebuah konsert hiburan yang diadakan di sebuah stadium terkenal di negara kita. Penyiasatan mendapati kesemua mereka mati disebabkan pengambilan dadah sintetik merbahaya yang memberikan kesan dahsyat hanya dalam masa sepuluh minit sahaja. Piak berkuasa juga menangkap sejumlah lagi yang menyertai konsert itu atas dakwaan penyalahgunaan dadah. Apa yang lebih menyediakan adalah sebahagian daripada yang terlibat adalah para pelajar IPTA yang sepatutnya pada pandangan penulis tidak seharusnya menyertai konsert melampau itu yang jelas tidak mematuhi peraturan dunia apatah lagi hukum Allah SWT. Beberapa keping gambar yang dimuatnaik ke laman-laman sosial menunjukkan aksi-aksi yang sangat tidak berakhlik dan bermoral pengunjung-pengunjung konsert itu. Di kesempatan ini penulis tidak ingin menuding jari menyalahkan sesiapa tetapi sekadar ingin berkongsi sedikit ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan yang ada untuk melihat isu dan masalah ini daripada perspektif sosiologi.

Sosiologi adalah salah satu

cabang disiplin ilmu sains sosial yang secara umumnya mengkaji individu dan masyarakat secara holistik. Ahli sosiologi melihat masalah sosial atau istilah yang biasa digunakan sebagai 'juvana' sama ada ringan ataupun berat bukan sebagai satu trait keturunan, tetapi disebabkan oleh hasil interaksi antara kanak-kanak atau remaja dengan orang-orang di sekelilingnya seperti ibu bapa, guru, rakan sebaya, dan masyarakat. Namun dalam kes ini, iaanya menjadi salah laku berat yang menjurus kepada perlakuan jenayah. Dalam membicarakan jsu ini, tidak perlu kita menyalahkan mana-mana pihak kerana semua pihak harus merasa bertanggungjawab di atas apa yang berlaku apatah lagi membabitkan sejumlah pelajar yang sepatutnya menumpukan perhatian terhadap pelajaran dan bukannya menghabiskan masa di konsert itu.

Remaja dewasa memerlukan bimbingan, panduan dan didikan yang baik tidak kira di rumah, di institusi dan persekitaran. Orang-orang yang lebih dewasa di sekeliling mereka seharusnya menunjukkan contoh tauladan yang baik serta positif kepada para remaja dewasa ini agar dapat dicontohi oleh mereka. Namun, proses sosialisasi yang dialami oleh pelajar yang terlibat dengan kes

juvana atau jenayah ini biasanya bukanlah satu proses yang positif dan baik, tetapi berkemungkinan besar penuh dengan unsur-unsur negatif.

Rasulullah SAW dalam satu sabdanya menyebut bahawa kanak-kanak (bayi) itu dilahirkan dalam keadaan yang fitrah (baik), namun ibu bapanya yang akan menjadikannya yahudi, majusi atau nasrani. Kanak-kanak juga diumpamakan seperti kain putih, ibu bapanya juga yang akan mencorakkannya mengikut corak yang dikehendakinya.

Dalam sebuah keluarga yang mempunyai ibu bapa bersikap terlalu materialistik seumpamanya, amalan untuk mengambil berat kebijakan dan keperluan anak-anak diambil alih oleh sikap ingin mengejar kebendaan semata-mata. Anak-anak mereka dipinggirkan dan unsur kasih sayang serta keperihatinan yang sepenuhnya tidak diberikan. Oleh itu, tidak hairanlah anak-anak mereka memilih rakan-rakan sebaya sebagai tempat untuk berkongsi segalanya yang akhirnya membawa mereka kepada perlakuan juvana. Malahan, terdapat pula sesetengah ibu bapa menyerahkan secara bulat-bulat tugas mendidik anak-anak kepada para pendidik di sekolah atau di institusi pendidikan.

Sebelum menjadi remaja dewasa,

pelajar-pelajar menghabiskan masa beberapa tahun di sekolah. Justeru guru adalah pengganti ibu bapa ketika di sekolah. Maka dengan sebab itulah guru-guru seharusnya memainkan peranan 'transfer' dan 'transform' khususnya ketika proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan.

'Transfer' membawa maksud memindahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada para pelajar secara cekap dan berkesan. 'Transform' pula bermaksud berlaku perubahan tingkah laku pelajar iaitu bukan sahaja perlakuan membabitkan kefahaman dalam pelajaran, namun apa yang lebih penting adalah perubahan tingkah laku kepada positif.

Namun dengan beban tugas guru yang semakin bertambah, bimbingan dan pemantauan yang sepatutnya dilakukan tidak dapat dijalankan dengan sempurna dan kadang-kadang mengabaikan pelajar-pelajar yang inginkan perhatian. Guru merupakan agen pembentuk peribadi yang kedua selepas ibu bapa dan peranan yang perlu dimainkan oleh guru juga tidak kurang pentingnya.

Kejayaan seseorang pelajar bukanlah bergantung pada kejayaan akademik semata-mata tetapi kejayaan yang menyeluruh termasuk akhlak, disiplin dan kemantapan personaliti dalam kalangan ramaja dewasa.

Contohnya, program dan filem tempatan dan luar negara yang memaparkan banyak babak hiburan melampau dan seks akan menjadikan fikiran remaja keras dan rakus. Pengaruh perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin moden dan canggih turut menyumbang kepada perlakuan juvana dalam kalangan mereka. Capaian laman web pornografi yang boleh diakses dengan mudah, pembukaan banyak kafe siber dan adanya kemudahan komputer di rumah tanpa sebarang pemantauan daripada ibu bapa dikatakan pendorong utama kepada masalah pornografi internet dan perlakuan sosial melampau. Tambahan lagi, penggunaan 'smart phone' yang tidak terkawal juga memudahkan remaja untuk mengakses unsur-unsur negatif secara online.

Seterusnya pengaruh rakan sebaya juga boleh membawa kepada perlakuan juvana dalam kalangan remaja. Hal ini kerana persahabatan berdasarkan kesefahaman mereka, latihan dan keseronokan dengan aktiviti yang mereka lakukan turut mendorong seseorang terpengaruh dengan rakan sebaya mereka. Contohnya, pelajar merokok atau mengambil dadah apabila persekitarannya dipengaruhi oleh rakan-rakan yang turut merokok. Apabila seseorang pelajar itu tidak tahu merokok atau

mengambil dadah, maka dengan pengaruh rakan-rakan ia akan lebih cenderung untuk mencuba rokok atau dadah. Berkemungkinan besar itulah juga yang berlaku terhadap enam orang yang menemui ajal.

Golongan remaja dewasa hari ini adalah merupakan pemimpin pada masa hadapan. Hal ini kerana golongan inilah yang akan membangunkan negara pada masa akan datang ataupun sekurang-kurangnya mereka akan menjadi pemimpin kepada diri sendiri, keluarga atau kelompok masyarakat sendiri. Jadi pelaksanaan pendidikan yang tepat dan sempurna secara menyeluruh dan bersepadau perlu dilaksanakan.

Mereka perlu dibekalkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran agar mereka mampu menerajui negara pada masa akan datang khususnya diberikan secukupnya bekalan ilmu agama. Justeru itu apa sahaja gejala yang boleh merosakkan pemikiran dan sahsiah mereka dari segi fizikal dan kerohanian perlu dikenal pasti dan dibanteras tidak kira kecil ataupun besar. Ini kerana gejala sosial yang kelihatannya kecil umpama api kecil yang sekiranya dibiarkan menjadi besar dan mampu membawa kepada kemusnahan *

**Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.*